

08 SEP 2001

THAKSIN PULANG SELEPAS LAWATAN SEHARI KE MALAYSIA

SEPANG, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra berlepas pulang malam ini selepas melakukan lawatan singkat ke Malaysia atas undangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyaksikan pembukaan Sukan SEA XX1 di Kuala Lumpur.

Beliau berlepas dengan pesawat khas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini.

Thaksin yang tiba tengah hari tadi diiringi oleh Menteri Perdagangan Thailand, Adisai Bodharamik dan lapan orang pegawai kerajaan.

Terdahulu, Thaksin mengadakan rundingan dengan Dr Mahathir. Kedua-dua pemimpin membincangkan isu-isu kepentingan bersama seperti penggunaan mata wang Ringgit dan Baht bagi perdagangan antara kedua-dua negara.

Mereka juga membincangkan projek bersama saluran paip gas berharga RM3 bilion dari telaga gas Cakerawala di Teluk Siam ke Semenanjung Malaysia antara Petronas dan Petroleum Authority of Thailand (PTT).

Thaksin juga menyaksikan upacara pembukaan Sukan SEA di Stadium Nasional sebelum berlepas pulang.

-- BERNAMA

AT AFY FAZ